

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 08/08/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional (12)

Tajuk : ANGKASA Sedia Ambil Alih Peranan Orang Tengah

Angkasa sedia ambil alih peranan orang tengah

KUANTAN - Koperasi bersedia mengambil alih peranan sebagai orang tengah dengan menjadi koordinator penggerak sumber, dalam usaha menstabilkan harga barangan keperluan asas di pasaran.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, dengan sistem pangkalan data hampir 10 juta pengguna, Angkasa mampu menawarkan harga barangan lebih baik kepada pengguna jika berjaya mengambil alih peranan orang tengah.

Menurutnya, terdapat kira-kira 3,000 rangkaian kedai kendalian koperasi di seluruh negara membolehkan pihaknya menentukan paras harga dapat diimbangi dan faedahnya dirasai oleh pengeluar serta pengguna.

"Kedai koperasi boleh terus kepada pembekal dan sebenarnya dapat mengelakkan kegiatan orang tengah yang selalunya menjadi penyebab utama harga sukar dikawal.

"Kita juga akan memastikan rantai bekalan dan operasi antara pembekal dan kedai koperasi tidak berdepan masalah. Jadi, kita akan menyediakan kemudahan pusingan kredit kepada koperasi iaitu mereka tidak perlu membayar untuk stok atau bekalan yang dihantar ke kedai bagi tempoh tertentu.

"Bagi tujuan ini, kita menyediakan dana sehingga RM10,000 untuk setiap kedai koperasi dalam usaha memastikan agenda sekuriti makanan terjamin dan pelanggan atau pengguna tidak terputus bekalan barangan keperluan asas," katanya di sini pada Ahad.

Pada Sabtu, Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa, mahu gerakan koperasi memainkan peranan utama 'memerangi' campur tangan orang tengah yang mengaut keuntungan berlebihan.

Mengenai saranan itu, Abdul Fattah berkata, usaha menstabilkan harga barangan keperluan asas boleh dilakukan dengan lebih berkesan melalui kerjasama rapat antara Angkasa dan kementerian berkaitan.

"Sebab itu, kita sentiasa berhubung dan mengadakan pertemuan, mesyuarat dengan semua pihak berkepentingan dalam hal membabitkan agenda sekuriti makanan ini," katanya.

Selain itu, Abdul Fattah berkata, konsep kedai barangan asas (BA100) diperkenalkan Angkasa sejak tahun 2019 mempunyai kemampuan menjadi pusat sehati kepada pengguna.

Katanya, konsep itu membolehkan pengguna mendapatkan barangan keperluan asas pada harga lebih murah.

"Kita juga menawarkan platform perniagaan secara dalam talian iaitu JIMATbiz dan JIMATshop kepada pengusaha. Jadi, pengusaha dapat berurusan terus dengan pelanggan, tanpa membabitkan orang tengah," katanya.